

08/03/2004

F1 mampu tarik 170,000 pengunjung

KUALA LUMPUR: Litar Antarabangsa Sepang (SIC) yakin kehadiran 170,000 penonton di Perlumbaan Formula Satu (F1) di Sepang pada 21 Mac ini walaupun hari berkenaan adalah hari mengundi.

Daripada jumlah penonton itu, 60 peratus dijangka penonton tempatan.

Pegawai media SIC, Azhar Ghazali, berkata walaupun tarikh perlumbaan itu sama dengan tarikh pembuangan undi, pihaknya masih menetapkan kehadiran maksimum penonton.

"Senario F1 kali ini berbeza bukan saja tarikhnya sama dengan pilihan raya umum ke-11 tetapi disebabkan SIC perlu melipatgandakan usahanya menarik perhatian penonton tempatan.

"SIC masih menetapkan sasaran maksimum penonton seperti yang disebutkan tetapi kemungkinan kali ini kita perlu menarik lebih ramai peminat dari negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi memeriahkan lagi perlumbaan kereta antarabangsa ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sehubungan itu, Azhar berkata, Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Mahathir, akan mengadakan sidang media hari ini bagi mengumumkan strategi menarik minat penonton menyaksikan F1 sambil tidak melupakan tanggungjawab sebagai pengundi.

Selain itu, katanya sidang media itu bagi menjawab segala pertanyaan berhubung perlumbaan serta berkaitan penjualan tiket F1.

Mengenai sambutan penonton, beliau bagaimanapun yakin perlumbaan F1 kali ini masih mendapat perhatian peminat setianya di samping promosi yang dijalankan sama ada di dalam dan luar negara.